

**PERSEPSI TERHADAP KOMPETENSI PENSYARAH  
PENYELIA: SATU KAJIAN DI SEBUAH MAKTAB  
PERGURUAN**

**OLEH  
KHADIJAH BTE HJ. TOMPANG**

**Kertas Tesis Untuk Memenuhi Sebahagian  
Keperluan Pengijazahan Sarjana Sains**

**Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia**

**UNIVERSITY MALAYSIA SARAWAK**

**July 1997**

# PENGESAHAN LEMBAGA PEMERIKSA

Lembaga Pemeriksa yang telah bersidang pada

18 Julai 1997

bagi melaksanakan pemeriksaan lisan (viva) bagi calon


Khadijah Bte Hj. Tompang

untuk ijazah MSc (HRD) yang tesisnya bertajuk:

Persepsi Terhadap Kompetensi Pensyarah Penyelia: Satu Kajian Di  
Sebuah Maktab Perguruan


dengan ini telah bersetuju mengesahkan bahawa tesis tersebut adalah sempurna bagi memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi ijazah MSc (HRD).

Penyelia: Prof. Madya Dr. Napsiah Mahfoz

  
Tanda tangan


Pemeriksa Luar:

Prof. Madya Dr. Ariffin Hj. Zainal

  
Tanda tangan

Pemeriksa Dalam:


Dr. Peter Songan

  
Tanda tangan

# PENGESAHAN

Dengan ini diperakui penerimaan tesis bertajuk  
**'Persepsi Terhadap Kompetensi Pensyarah Penyelia:  
Satu Kajian Di Sebuah Maktab Perguruan'**  
yang disediakan dan diserahkan oleh  
**Khadijah bte Hj Tompong**  
sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan  
penganugerahan  
Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia)

Disahkan oleh:



Prof Madya Dr Napsiah Mahfoz  
(Penyelia)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
Universiti Malaysia Sarawak  
Kota Samarahan, Sarawak

Haribulan: 30/7/97

## **PERAKUAN**

Adalah diperakukan bahawa tesis ini adalah hasil karya penyelidik sendiri dan tiada bahagian telah dikemukakan untuk menyokong sesuatu permohonan untuk mendapatkan sesuatu kelayakan ijazah di universiti ini atau mana-mana institusi pendidikan tinggi yang lain.

## PENGHARGAAN

Syukur, alhamdulillah, dengan izinNya jua tesis ini dapat saya hasilkan. Setinggi-tinggi penghargaan ingin saya sampaikan kepada penyelia kajian ini, Prof. Madya Dr. Napsiah Mahfoz, yang telah banyak membantu, membimbing dan mengorbankan masa beliau sehingga terhasilnya tesis ini. Ucapan terima kasih juga kepada Penyelaras Program Berkembar IAB - UNIMAS, Dr. Abang Ahmad Ridzuan Abang Awet yang sentiasa bersedia membantu. Kepada pensyarah-pensyarah yang telah memberikan begitu banyak ilmu dan kemahiran, terima kasih tidak terbalas saya ucapkan.

Saya ingin juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengetua Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka, Pn. Hjh. Hamidah Baba dan semua pensyarah MPPM yang telah bekerjasama sebagai responden kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada mereka yang membantu dalam pengesahan dan pengesanan kompetensi penyeliaan kajian ini. Mereka adalah:

1. Tn. Hj. Abu Bakar Jaafar
2. Pn. Saadiyah Bani
3. En. Ng Sin Min
4. En. Yap Yee Khiong

Tidak saya lupakan, En. Hong Kian Sam yang telah membantu dalam menganalisis data dan kakitangan Fakulti Sains Kognitif yang sentiasa bersedia membantu. Rakan sekuliah, terima kasih atas kemeriahan perkuliahan.

Penghargaan khas kepada Min dan Siti, segala pertolongan dalam menghadapi dugaan perkuliahan akan saya kenang. Ibu dan keluarga yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan, tidak akan pernah dilupakan kasih sayang kalian.

## ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meninjau keperluan dan tahap kompetensi yang dimiliki oleh pensyarah penyelia di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka. Kajian juga melihat keutamaan kompetensi berdasarkan persepsi pensyarah penyelia untuk menjalankan penyeliaan dengan lebih efisien dan berkesan. Kaedah survei menggunakan borang soalselidik telah digunakan untuk mengumpul data kajian ini. Soalselidik ini telah mengenalpasti lima bidang kompetensi, iaitu Orientasi Praktikum, Pencerapan Klinikal, Prosedur Penilaian, Bimbingan Sahsiah dan Aktiviti Tutorial Praktikum. Statistik deskriptif (kekerapan dan min) dan inferential (Ujian-t, Anova Sehalu dan Korelasi Pearson) telah digunakan untuk menganalisis data. Analisis kajian menunjukkan lima dapatan utama: i) Sebahagian besar responden beranggapan mereka memerlukan kelima-lima bidang kompetensi yang telah dikenalpasti; ii) sebahagian besar juga responden menganggap mereka memiliki tahap kompetensi yang tinggi dalam keseluruhan kompetensi yang dikenalpasti; iii) terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kompetensi dalam fasa (b) iaitu Pemerhatian Di Bilik Darjah dengan responden yang mempunyai pengalaman di sekolah; iv) tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keperluan dan tahap kompetensi; dan v) responden menganggap Pencerapan Klinikal sebagai bidang kompetensi paling utama bagi membolehkan mereka menjalankan tugas penyeliaan dengan lebih berkesan. Ini diikuti dengan Prosedur Penilaian, Bimbingan Sahsiah, Orientasi Praktikum dan Aktiviti Tutorial

Praktikum. Kajian mencadangkan kursus-kursus berbentuk modul yang berdasarkan bidang kompetensi yang telah dikenalpasti dijalankan kepada pensyarah penyelia yang masih memerlukan. Bagi pensyarah baru, pendedahan terhadap penyeliaan harus diberikan secukupnya untuk mereka menjalankan penyeliaan dengan lebih kompeten.

## ABSTRACT

*The main objective of this study is to examine the perceived competency levels and competency needs of lecturers as supervisors of trainee teachers at Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka. The study was also to determine respondent's ranking of competencies needed in order to perform their task efficiently and effectively. The questionnaire was used to collect data for the study. Five areas of competencies were included in the questionnaire. These are Practicum Orientation, Clinical Supervision, Evaluation Procedure, Personality Guidance and Tutorial Activities. Descriptive statistics (frequencies and mean) and inferential statistics ( t-test, One Way Anova and Pearson correlation) were used to analyse the data. The study revealed five major findings: i) the majority of respondents perceived that they have a great need for all five competencies; ii) the majority felt that they possess a high level of competency in all five areas; iii) there is a significant difference between the levels of competency between the clinical supervision phase (b) - 'classroom observation', and teaching experience in schools; iv) there is no significant relationship between competency needs and level of competencies; and v) respondents perceived Clinical Supervision as the most important competency in enabling lecturer supervisors to carry out their supervisory role effectively. This is followed by the other competencies such as Evaluation Procedure, Personality Guidance, Practicum Orientation and Tutorial Activities. The study proposes that these competencies be taught in modular form to the*

*relevant lecturer supervisors. New lecturers need to be exposed adequately to the supervisory processes to enable them to become competent supervisors.*

# ISI KANDUNGAN

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Abstract	iv
Isi kandungan	vi
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	xi

## BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pendahuluan.....	1
1.1 Latarbelakang Kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	4
1.3 Objektif Kajian.....	6
1.4 Kepentingan Kajian.....	7
1.5 Batasan Kajian.....	7
1.6 Definisi Operasional.....	8

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan.....	10
2.1 Kompetensi	
2.1.1 Definisi Kompetensi .....	10
2.1.2 Pendidikan Berasaskan Kompetensi .....	12
2.1.3 Kepentingan Kompetensi.....	15
2.1.4 Rumusan.....	17
2.2 Peranan Pensyarah Penyelia .....	17
2.3 Kerangka Konsep .....	25

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan.....	28
3.1 Rekabentuk Kajian.....	28
3.2 Populasi dan Sampel.....	29
3.3 Instrumentasi.....	29
3.3.1 Pembentukan Instrumen.....	30
3.3.2 Soalselidik.....	33
3.3.3 Kajian Rintis.....	34
3.3.4 Ujian Kebolehpercayaan.....	35
3.4 Pengumpulan Data.....	36
3.5 Penganalisan Data.....	37

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan.....	39
4.1	Latarbelakang Responden.....	40
4.2	Persepsi Tentang Keperluan dan Tahap Kompetensi	
4.2.1	Orientasi Praktikum.....	47
4.2.2	Pencerapan Klinikal.....	48
4.2.3	Prosedur Penilaian.....	53
4.2.4	Bimbingan Sahsiyah.....	55
4.2.5	Aktiviti Tutorial Praktikum.....	56
4.3	Perbezaan Tahap Kompetensi Berdasarkan Ciri-ciri Latarbelakang	
4.3.1	Perbezaan Tahap Kompetensi Dengan Jantina dan Latihan.....	58
4.3.2	Perbezaan Tahap Kompetensi Dengan Umur, Kelayakan Akademik, Pengalaman Sebagai Pensyarah dan Pengalaman di Sekolah.....	60
4.4	Hubungan Keperluan Kompetensi Dengan Tahap Kompetensi	
4.4.1	Hubungan Keperluan Dengan Tahap Kompetensi Mengikut Bidang-bidang Kompetensi.....	64
4.4.2	Hubungan Keperluan Dengan Tahap Kompetensi Antara Fasa-fasa Dalam Pencerapan Klinikal .....	65
4.5	Keutamaan Kompetensi Mengikut Persepsi pensyarah Penyelia .....	66
4.6	Rumusan Hasil Kajian .....	68

## BAB 5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan.....	73
5.1	Objektif Kajian.....	73
5.2	Metodologi Kajian.....	73
5.3	Rumusan dan Perbincangan Hasil Kajian	
5.3.1	Kompetensi Yang Diperlukan dan Tahap Kompetensi Pensyarah Penyelia.....	74
5.3.2	Perbezaan Tahap Kompetensi Dengan Ciri-Ciri Latarbelakang.....	78
5.3.3	Hubungan Kompetensi Yang Diperlukan Dengan Tahap Yang Ada.....	79
5.3.4	Keutamaan Kompetensi Mengikut Persepsi Responden Bagi menjalankan Tugas Dalam Pencerapan Klinikal.....	79
5.4	Implikasi dan Cadangan	
5.4.1	Cadangan Untuk Amalan.....	81
5.4.2	Cadangan Kajian Seterusnya.....	84

RUJUKAN.....	85
--------------	----

## **LAMPIRAN:**

Lampiran A: Surat Kebenaran Daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan.	88
Lampiran B: Surat Kebenaran Daripada Bahagian Pendidikan Guru	89
Lampiran C: Surat Kebenaran Daripada Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka	90
Lampiran D: Borang Soalselidik	91
Lampiran E: Analisis Kekekapan Keperluan Kompetensi dan Tahap Kompetensi	92

## SENARAI JADUAL

Jadual 1:	Pekali Kebolehpercayaan Untuk Skala-skala Dalam Soalselidik Persepsi Pensyarah Penyelia Terhadap Kompetensi.	36
Jadual 2:	Taburan Pensyarah Penyelia Mengikut Jantina Dan Umur.	40
Jadual 3:	Taburan Pensyarah Penyelia Mengikut Kelayakan Akademik Dan Ikhtisas.	42
Jadual 4:	Taburan Pensyarah Penyelia Mengikut Pengalaman Di Sekolah Dan Di Maktab	43
Jadual 5:	Taburan Pensyarah Penyelia Mengikut Latihan Dan Jenis Latihan Yang Diterima	45
Jadual 6:	Kedudukan Min Keperluan Dan Tahap Kompetensi Dalam Aspek Orientasi Praktikum	48
Jadual 7:	Kedudukan Min Keperluan Dan Tahap Kompetensi Dalam Aspek Pencerapan Klinikal	49
Jadual 8:	Kedudukan Min Keperluan Dan Tahap Kompetensi Dalam Aspek Prosedur Penilaian.	54
Jadual 9:	Kedudukan Min Keperluan Dan Tahap Kompetensi Dalam Aspek Bimbingan Sahsiah.	56
Jadual 10:	Kedudukan Min Keperluan Dan Tahap Kompetensi Dalam Aspek Aktiviti Tutorial Praktikum	57
Jadual 11:	Perbezaan Tahap Kompetensi Berdasarkan Jantina Responden Dalam Bidang kompetensi.	59
Jadual 12:	Perbezaan Tahap Kompetensi Berdasarkan Latihan Responden Dalam Setiap Bidang kompetensi	60

Jadual 13:	Nilai Antara Ciri-Ciri Latarbelakang (Umur, Akademik, Pengalaman Sebagai Pensyarah Dan Pengalaman Di Maktab) Dengan Tahap Kompetensi (Anova Sehal).	61
Jadual 14:	Ujian Scheffe Bagi Tahap Kompetensi Fasa (b): 'Pemerhatian Di Bilik Darjah' Berdasarkan Pengalaman Di Sekolah.	63
Jadual 15:	Indeks Davis (1971)	63
Jadual 16:	Pekali Korelasi Antara Fasa-Fasa Dalam Pencerapan Klinikal.	65
Jadual 17	Pekali Korelasi Antara Bidang-bidang Kompetensi	66
Jadual 18:	Senarai Keutamaan Bidang Kompetensi.	67

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1:	Kerangka Konsep.	26
Rajah 2:	Model Proses Kompetensi.	38

## Pengenalan

### 1.0 Pendahuluan

Penyeliaan adalah penting dalam proses latihan praktikum di maktab-maktab perguruan di Malaysia. Tugas penyeliaan tidak hanya membimbing dan memberi penilaian kepada guru pelatih. Oleh itu kajian ini cuba meninjau bidang kompetensi yang dapat dipandukan oleh pensyarah penyelia untuk menjalankan tugas penyeliaan, khususnya di dalam Pencerapan Klinikal .

### 1.1 Latarbelakang Kajian

Keupayaan sesebuah institusi atau maktab perguruan melakukan perubahan bergantung penuh kepada seluruh warganya. Sebagai pendidik guru bukanlah mudah menjadi pelaksana kepada sistem-sistem yang telah dirancang, terutamanya bagi menjayakan pengajaran dan pembelajaran guru-guru pelatih. Fokus kita seharusnya kepada perubahan dalaman yang menjurus kepada aktiviti-aktiviti pengajaran-pembelajaran harian dan bukan hanya memberatkan kepada perubahan struktur sahaja.

Sepertimana yang dijelaskan oleh Sergiovanni (1975: 6),

*We have been fairly successful in implementing structural changes in school but not internalized changes and as a consequence we have gained little in the process.*

Banyak perubahan besar telah kita lihat berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia, seperti pelaksanaan KBSR dan KBSM dan kini institusi/maktab perguruan telah diiktiraf mengeluarkan guru-guru berkelulusan diploma. Tetapi adakah kita telah benar-benar berjaya mendalami perubahan dalam proses menghasilkan guru-guru yang dikehendaki dan diingini selaras dengan pengisian wawasan pendidikan yang menuntut semua warga guru bersedia menangani perubahan yang bakal tiba.

Proses pencerapan di dalam bilik darjah adalah di antara aktiviti terpenting bagi seorang guru pelatih untuk melayakkan mereka bergelar guru. Oleh itu, mereka akan didedahkan dengan program praktikum berperingkat.

Praktikum adalah satu siri pengalaman praktik dan sistematis yang berasaskan sekolah dan bertujuan membantu guru pelatih menjadi guru yang profesional dan bersepadu. Mereka akan menghadapi 9 minggu praktikum pada semester 3 dan keseluruhan masa pada semester 5.

Objektif praktikum di maktab-maktab perguruan Malaysia yang telah digariskan dalam Panduan Praktikum (1994) ialah supaya guru pelatih dapat menguasai dan mengamalkan segala konsep, prinsip, kemahiran dan nilai yang diperlukan oleh seseorang insan guru yang profesional di dalam dan di luar bilik darjah. Program ini juga berhasrat untuk membantu perkembangan potensi guru pelatih supaya mempunyai ketahanan diri dalam menghadapi berbagai suasana sekolah.

Latihan mengajar adalah satu komponen yang sangat penting dalam program latihan perguruan. Semasa latihan mengajar, guru pelatih menerima tunjuk ajar, bimbingan, pandangan, nasihat, teguran dan penilaian formatif dan sumatif dalam pengajarannya. Ini merupakan proses penyeliaan yang dialami ke arah pengajaran yang lebih berkesan. Penyeliaan merupakan satu tanggungjawab penting setiap pensyarah di maktab-maktab perguruan di Malaysia.

Untuk merealisasikan harapan dan objektif di atas adalah menjadi tanggungjawab dan peranan pensyarah penyelia melakukan penyeliaan dan pencerapan yang berkesan. Pihak Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah merancang beberapa garis panduan untuk penyelia. Antara perkara penting ialah penyelia perlu mewujudkan suasana perhubungan yang mesra dengan guru pelatih dan memupuk keyakinan guru pelatih. Strategi bimbingan yang berasaskan Pencerapan Klinikal itu bertujuan

supaya penyelia dan guru pelatih bersama-sama berusaha memperbaiki kelemahan pengajaran di samping memperkembangkan kemahiran dan potensi seseorang guru pelatih itu.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pembangunan Sumber Manusia muncul sebagai penentu utama bagi pertumbuhan ekonomi yang berdaya maju dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup. Kerajaan akan membuat beberapa perubahan besar dalam sistem pendidikan dan latihan bagi memperkukuhkan dan memperbaiki sistem pendidikan kita terutamanya dalam memperbaiki kualiti dan menambah kuantiti bagi memenuhi keperluan tenaga manusia dalam bidang sains dan teknologi. Dijangkakan perubahan-perubahan besar ini akan memerlukan bilangan tenaga pekerja yang lebih kecil tetapi berkemahiran tinggi.

Senario yang wujud di atas memerlukan kita melihat sistem pendidikan ke akar umbinya. Di antara bidang yang memerlukan perhatian adalah penyeliaan terhadap pengajaran guru di dalam bilik darjah. Bimbingan dalam penyeliaan praktikum yang dijalankan oleh pensyarah penyelia di maktab-maktab perguruan Malaysia adalah penting kerana kejayaan guru pelatih menjalani latihan ini bergantung kepada kompetensi pensyarah penyelia membimbing mereka dalam proses penyeliaan.

Fokus penyeliaan bagi kajian ini adalah pendekatan secara Pencerapan Klinikal. Penyeliaan secara Pencerapan Klinikal adalah bertujuan untuk membantu bakal guru berkualiti yang mampu menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran. Ia adalah kaedah penyeliaan secara langsung yang menitik beratkan penyeliaan yang sistematik dan berkesan. Pencerapan Klinikal adalah proses yang dinamik untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran yang membawa kepada perubahan positif (Ismail, 1994).

Lee (1993) mempersoalkan penyeliaan yang dijalankan harus mempunyai kewibawaan tetapi, sumber kewibawaan yang mana harus diutamakan: kuasa, status atau pengalaman dan pengetahuan. Penyelia perlu mempunyai lebih kepakaran daripada guru dalam membuat analisis pengajaran dan menerapkan teori pembelajaran (Goldhammer, Anderson & Krajewski, 1980: 13).

Mampukah pensyarah penyelia membimbing dan melaksanakan peranannya dengan berkesan? Pengkaji mendapati walaupun peranan dan tanggungjawab pensyarah penyelia telah digariskan, tetapi secara terperinci kajian kompetensi seorang pensyarah penyelia belum dijalankan dengan meluas. Kajian ini akan cuba mengenalpasti kompetensi yang diperlukan bagi seorang pensyarah penyelia apabila

menjalankan tugas dalam penyeliaan ke atas guru pelatih.

Adalah wajar kajian ini dijalankan untuk membolehkan kita mengenalpasti peranan pensyarah penyelia dan dengan itu mengenalpasti keperluan kompetensi dan tahap kompetensi di kalangan pensyarah penyelia supaya mutu penyeliaan dapat dipertingkatkan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah untuk menentukan apakah kompetensi-kompetensi pensyarah penyelia dalam Pencerapan Klinikal . Diharapkan juga kajian ini dapat mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kompetensi pensyarah penyelia menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan dan efisien.

Khususnya kajian ini adalah untuk :

- a) mengenalpasti kompetensi yang diperlukan mengikut persepsi pensyarah penyelia untuk menjalankan tugas penyeliaan;
- b) menentukan tahap kompetensi yang ada berdasarkan persepsi pensyarah penyelia untuk menjalankan tugas penyeliaan dalam Pencerapan Klinikal;
- c) melihat perbezaan tahap kompetensi berdasarkan ciri-ciri latarbelakang pensyarah penyelia;
- d) melihat hubungan kompetensi yang diperlukan dengan tahap

kompetensi yang ada pada pensyarah penyelia; dan

- e) melihat keutamaan kompetensi mengikut persepsi pensyarah penyelia bagi menjalankan tugas penyeliaan;

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Penyeliaan akan terus menjadi fokus utama dalam memenuhi syarat praktikum guru pelatih. Keadaan ini dijelaskan oleh Sergiovanni (1975) yang menyatakan pelaksanaan penyeliaan akan terus berubah dan direkabentuk untuk peningkatan dan pembangunan guru-guru. Oleh itu mengekalkan guru-guru yang berkesan dan berminat, bermotivasi tinggi dan berkembang maju adalah faktor utama yang perlu diberi fokus dalam penyeliaan.

Mengenalpasti peranan dan kompetensi-kompetensi yang sebenar bagi pensyarah penyelia akan menjadi panduan yang bermakna untuk membantu maktab-maktab perguruan mengekalkan guru-guru yang berkesan dan berketerampilan.

#### **1.5 Batasan Kajian**

Kajian akan dijalankan ke atas pensyarah-pensyarah penyelia di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka sahaja. Keputusan kajian adalah berdasarkan kepada data yang didapati daripada sampel kajian. Oleh itu interpretasi dan kesimpulan tidak boleh menggambarkan

keseluruhan pensyarah penyelia yang lain.

Walau bagaimanapun dapatan kajian dijangkakan sedikit sebanyak dapat membantu pensyarah penyelia dalam melaksanakan Pencerapan Klinikal ke atas guru pelatih yang diselia nanti.

## **1.6 Definisi Operasional**

### **1.6.1 Kompetensi**

Kompetensi meliputi kebolehan untuk memindahkan kemahiran dan pengetahuan kepada situasi penyeliaan. Ia juga merujuk kepada kebolehan atau kemampuan melaksanakan tugas yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang diinginkan. Ia merangkumi gabungan pengetahuan, kemahiran dan sikap.

### **1.6.2 Pensyarah Penyelia**

Pensyarah Penyelia adalah mereka yang ditugaskan untuk menjalankan penyeliaan ke atas guru pelatih di maktab. Penyeliaan adalah sebahagian daripada tugas pengajaran yang harus dilaksanakan oleh semua pensyarah di Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka.

### **1.6.3 Pencerapan Klinikal**

Pencerapan Klinikal merupakan satu pendekatan bimbingan yang melibatkan usaha bersama pembimbing dan guru secara demokratik

untuk menyelesaikan masalah pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah agar guru menjadi lebih mahir, cekap dan peka terhadap tugas mereka.

Pada umumnya, proses Pencerapan Klinikal meliputi lima fasa-fasa seperti berikut:

1. Konferen Pra Pemerhatian.
2. Pemerhatian Di Bilik Darjah
3. Analisis Hasil pemerhatian
4. Konferen Pos Pemerhatian.
5. Analisis Konferen Pos Pemerhatian

Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah memberikan Garis Panduan (1990) dalam Pencerapan Klinikal yang harus dijalankan oleh pensyarah.